

KOSMO!
18 March 2022

Sun Life, Lilin+Co ceriakan Earth Hour 26 Mac ini



INISIATIF Sun Life dan Lilin + Co bertujuan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat bersempena Earth Hour 26 Mac ini.

PETALING JAYA – Bersempena merayakan Earth Hour pada 26 Mac ini selama sejam bermula pukul 8.30 malam, Sun Life Malaysia (Sun Life), penyedia insurans hayat dan takaful keluarga telah berganding bahu dengan Lilin+Co.

Kerjasama dengan pengeluar lilin wangi minimalis dan moden itu bakal menawarkan set koleksi lilin soya yang anggun bagi menggalakkan orang ramai menutup lampu dan membakar lilin pada waktu berikut.

Presiden/Ketua Negara dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life, Raymond Lew berkata, diharapkan usaha ini dapat menggalakkan lebih ramai orang

menutup lampu dalam tempoh berkenaan sebagai usaha meningkatkan kesedaran tentang kelestarian dan perubahan iklim di seluruh dunia.

"Kami menumpukan usaha kelestarian pada tiga tonggak utama iaitu meningkatkan jaminan kewangan, membina gaya hidup lebih sihat dan menggalakkan pelaburan lestari.

"Dengan mengambil tindakan kecil seperti menutup lampu, kita berharap dapat menghantar isyarat kukuh bahawa kita bersama-sama boleh melakukan lebih lagi untuk melindungi bumi kita.

"Kami berharap dapat mem-

beri inspirasi kepada lebih ramai orang untuk membuat perubahan kecil dalam kehidupan harian mereka bagi mengurangkan jejak karbon masing-masing," katanya dalam kenyataan.

Tambah Lew, inisiatif ini juga dapat memberi peluang kepada rakyat Malaysia meluangkan masa sejam dalam suasana gelap dan damai sambil ditemani tiga lilin wangi dengan aroma pilihan istimewa untuk menenangkan hati.

Aroma lilin itu terdiri daripada *Garden of Sunshine*, *Happiness In A Jar* dan *Sunny Breeze* memiliki haruman sitrus Mimosa dan Mandarin.